



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MINAT PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TEKNIK TERHADAP BIDANG
KERJAYA TEKNIKAL/VOKASIONAL
DI NEGERI PERAK

FAJAR DRIAN SINDU BAWONO



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SAINS (PTV)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar Sekolah Menengah Teknik (SMT) di negeri Perak terhadap pemilihan bidang kerjaya mereka di masa hadapan. Penyelidik juga ingin mengkaji hubungan antara faktor-faktor minat terhadap bidang dengan minat terhadap kerjaya teknikal/vokasional dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik. Berdasarkan teori kerjaya Holland dan juga beberapa teori penyokong, lima domain yang mempengaruhi minat bidang iaitu faktor luaran, faktor dalaman, emosi, motif sosial dan psikomotor telah dikenalpasti. Dua domain minat kerjaya iaitu keputusan memilih kerjaya dan kepuasan memilih kerjaya juga dikenal pasti. Seramai 374 orang pelajar telah dipilih secara rawak daripada empat buah Sekolah Teknik di negeri Perak sebagai responden penyelidikan ini. Reka bentuk kajian adalah kajian kes. Kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi empat bahagian untuk mengumpul data kuantitatif. Protokol temu bual juga telah dibina untuk mengumpul data kualitatif. Soal selidik tersebut mengandungi 228 item SDS Holland, 42 item minat bidang dan minat kerjaya, dan 12 item terbuka. Kajian ini menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik adalah tinggi iaitu $\alpha = 0.85$. Ujian t, ANOVA, dan ujian korelasi digunakan untuk menguji 13 hipotesis nol pada aras signifikan 0.05. Hasil kajian berdasarkan data soal selidik menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan mengenai minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan jantina, lokasi sekolah, bidang, pendidikan ibu, dan personaliti pelajar. Hasil analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan kuat dan signifikan antara faktor dalaman dengan emosi, hubungan antara motif sosial dan emosi, serta faktor dalaman dan motif sosial. Data dari item terbuka menunjukkan majoriti responden (98.40%) meminati bidang kerjaya teknikal/vokasional. Hasil temu bual pula mendapati faktor yang mendorong pelajar memilih bidang dan kerjaya teknikal/vokasional iaitu dorongan sendiri, ibubapa dan ahli keluarga. Implikasi daripada kajian ini adalah faktor dalaman dan motif sosial merupakan domain penting kepada pelajar dalam pemilihan kerjaya teknikal/vokasional.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

INTEREST OF THE STUDENTS OF TECHNICAL SCHOOL IN THE STATE OF PERAK TOWARD CAREER IN TECHNICAL/VOCATIONAL FIELD

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify factors that affect the interest of students of technical high school in the State of Perak toward their future careers. The researchers also wanted to examine the relationship between the interest in the technical/vocational field and interest in the technical/vocational career among students of technical high school. Based on the Holland theory of careers and some supporter theories, five domains that affect the interests which include external factors, internal factors, emotion, social motives, and psychomotor were identified. Two domains of career interests which are career decision, and the career satisfaction were also identified. A total of 374 students were selected randomly from four technical schools in the State of Perak as respondents in this research. This study used a case study design. This study used a set of questionnaires containing four parts to collect quantitative data. Interview protocol was developed to collect qualitative data. The questionnaire contains 228 items of SDS Holland, 42 items of field and career interests, and 12 open-ended items. For data analysis, this study used descriptive and inferential statistics. The reliability of the questionnaire was relatively high which is $\alpha = 0.85$. T test, ANOVA, and Pearson correlation were used to test 13 null hypotheses at 0.05 significance level. The questionnaire data show that there are significant differences regarding the career interest in technical/vocational fields based on gender, school location, field, maternal education, and personality of students. Pearson correlation shows that there is a strong and significant relationship between internal factors and emotional, social motives and emotions, as well as internal factors and social motives. Data from open items show that the majority of respondents (98.40%) are interested in technical/vocational career. The interview data show that factors that influenced the students to choose technical/vocational career are internal drive, parents, and family members. The implication of this study is that internal factor and social motive are important domains for the students in choosing technical/vocational career.



05-4506832



Perpustakaan Tuanku Bainun



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan masalah	12
1.3 <small>st Tujuan dan objektif kajian</small>	14
1.4 Persoalan kajian	15
1.5 Hipotesis kajian	15
1.6 Batasan kajian	18
1.7 Kepentingan kajian	18
1.8 Kerangka konseptual kajian	19
1.9 Definisi operasional	26



BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	29
2.2 Minat pelajar secara umum	29
2.2.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi minat	31
2.2.2 Pelbagai minat	33
2.2.3 Minat individu	34
2.3 Persekutaran keluarga	37
2.3.1 Pengertian pesekitaran keluarga	37
2.3.2 Pengaruh persekitaran keluarga terhadap perkembangan	80





individu	39
2.4 Teori Holland	45
2.4.1 Jenis personaliti Holland	49
2.5 Mata pelajaran dan bidang MPV	52
2.6 Transformasi PTV di Malaysia	57
2.7 Kajian-kajian lepas	54

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	61
3.2 Lokasi dan masa kajian	62
3.3 Reka bentuk kajian	62
3.4 Prosedur kajian	65
3.5 Instrumen kajian	65
3.6 Populasi dan sampel kajian	66
3.7 Peserta temu bual	69
3.8 Pengumpulan data	69
3.9 Penganalisisan data	71
3.9.1 Kajian Rintis	74
3.9.2 Rumusan	75



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	76
4.2 Analisis deskriptif	77
4.2.1 Faktor demografi dan personaliti	77
4.2.1.1 Jantina	77
4.2.1.2 Lokasi sekolah	78
4.2.1.3 Lokasi tempat tinggal	78
4.2.1.4 Bidang yang dipelajari	78
4.2.1.5 Pekerjaan bapa	79
4.2.1.6 Pekerjaan ibu	79
4.2.1.7 Tahap pendidikan bapa	80
4.2.1.8 Tahap pendidikan ibu	80
4.2.1.9 Pendapatan keluarga	80





4.2.1.10 Personaliti responden	81
4.2.2 Analisis minat teknikal/vokasional dan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional	83
4.2.2.1 Faktor dalaman	84
4.2.2.2 Faktor luaran	86
4.2.2.3 Motif sosial	88
4.2.2.4 Faktor emosi	90
4.2.2.5 Psikomotor	91
4.2.2.6 Keputusan dalam memilih kerjaya teknikal/vokasional	93
4.2.2.7 Kepuasan apabila mendapatkan kerjaya yang diharapkan	95
4.3 Analisis inferensi	97
4.3.1 Analisis hipotesis demografi	98
4.3.1.1 Perbezaan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional berdasarkan jantina	98
4.3.1.2 Perbezaan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional berdasarkan lokasi sekolah	99
4.3.1.3 Perbezaan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional berdasarkan tempat tinggal	101
4.3.1.4 Perbezaan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional berdasarkan bidang yang dipelajari	102
4.3.1.5 Perbezaan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional berdasarkan pekerjaan bapa	106
4.3.1.6 Perbezaan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional berdasarkan pekerjaan ibu	107
4.3.1.7 Perbezaan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional berdasarkan pendidikan bapa	108
4.3.1.8 Perbezaan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional berdasarkan pendidikan ibu	109
4.3.1.9 Perbezaan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional berdasarkan pendapatan keluarga	112
4.3.1.10 Perbezaan minat kerjaya dalam bidang teknikal/vokasional berdasarkan personaliti	113
4.3.2 Analisis korelasi	116
4.3.2.1 Korelasi antara faktor-faktor minat bidang	





teknikal/vokasional	116
4.3.2.2 Korelasi antara faktor-faktor minat kerjaya teknikal/vokasional	118
4.3.2.3 Korelasi antara minat teknikal/vokasional dengan minat kerjaya teknikal/vokasional	119
4.4 Dapatan kualitatif	121
4.4.1 Analisis item terbuka mengenai personaliti	121
4.4.2 Analisis item terbuka minat memilih kerjaya teknikal/vokasional	122
4.4.2.1 Analisis item terbuka mengenai minat dalam bidang teknikal/vokasional	123
4.4.2.2 Analisis item terbuka mengenai kemahiran teknikal/vokasional yang dimiliki pelajar	125
4.4.2.3 Analisis item terbuka mengenai faktor pendorong memilih bidang teknikal/vokasional	127
4.4.2.4 Analisis item terbuka mengenai kaedah Pengajaran yang disukai pelajar	128
4.4.2.5 Analisis item terbuka mengenai kelebihan kerjaya teknikal/vokasional	128
4.4.2.6 Analisis item terbuka mengenai faktor motivasi	129
4.4.2.7 Analisis item terbuka mengenai perasaan pelajar belajar di sekolah menengah teknik	131
4.4.2.8 Analisis item terbuka mengenai psikomotor	131
4.4.2.9 Analisis item terbuka mengenai alasan memilih kerjaya teknikal	134
4.4.3 Dapatan temubual	135
4.4.3.1 Cita-cita	136
4.4.3.2 Minat dalam bidang teknikal/vokasional	137
4.4.3.3 Pendorong pelajar untuk bersekolah dalam bidang teknikal/vokasional	139
4.4.3.4 Mata pelajaran teknikal yang disukai pelajar	141
4.4.3.5 Kegunaan kemahiran yang diperolehi menurut pelajar	142
4.4.3.6 Harapan setelah tamat sekolah	144
4.4.3.7 Perasaan dalam mengambil bidang teknikal/vokasional	147
4.4.3.8 Belajar amali atau belajar teori	148
4.4.3.9 Perasaan mengamalkan kemahiran dalam kehidupan pelajar	150





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

4.4.3.10 Hobi	151
4.4.3.11 Pilihan kerjaya teknikal/vokasional di masa hadapan	156
4.4.3.12 Alasan memilih kerjaya teknikal/vokasional	158
4.4.3.13 Perasaan dan harapan dalam memilih kerjaya teknikal/vokasional	161

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

5.1 Pengenalan	166
5.2 Ringkasan kajian	167
5.3 Perbincangan berdasarkan data kuantitatif (soal selidik)	168
5.4 Perbincangan berdasarkan data kualitatif (item terbuka dan temu bual)	173
5.4.1 Perbincangan data daripada item terbuka	173
5.4.2 Perbincangan data daripada temu bual	177
5.5 Kesimpulan	185
5.6 Implikasi dan cadangan	192
5.6.1 Implikasi kepada pelajar	192
5.6.2 Implikasi kepada ibubapa	193
5.6.3 Implikasi kepada guru	194
5.6.4 Implikasi kepada Kementerian Pendidikan	195
5.7 Cadangan kajian akan datang	196



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

RUJUKAN

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Jadual pelaksanaan mata pelajaran vokasional	53
2.2	Kombinasi antara mata pelajaran bidang usaha dalam PTV dengan elektif bidang teknik dan vokasional	54
2.3	Masalah, strategi dan perubahan sistem PTV dalam memperbaiki PTV	56
3.1	Populasi dan sampel	67
3.2	<i>Likert scale</i>	74
4.1	Taburan demografi	81
4.2	Min keseluruhan domain minat kerjaya teknikal/vokasional dalam kalangan pelajar	84
4.3	Min dan sisihan piawai domain faktor dalaman	85
4.4	Min dan sisihan piawai domain faktor luaran	87
4.5	Min dan sisihan piawai domain motif sosial	89
4.6	Min dan sisihan piawai domain faktor emosi	90
4.7	Min dan sisihan piawai domain psikomotor	92
4.8	Min dan sisihan piawai domain pemilihan kerjaya teknikal/vokasional	94
4.9	Min dan sisihan piawai domain kepuasan mendapat pekerjaan yang diharapkan	96
4.10	Ujian-t minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan jantina	99
4.11	Ujian ANOVA minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan lokasi sekolah	100
4.11.1	Min dan sisihan piawai minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan sekolah	100
4.11.2	Ujian <i>post-hoc Scheffe</i> minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan lokasi sekolah	101





4.12	Ujian-t minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan tempat tinggal	102
4.13	Ujian ANOVA minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan bidang yang dipelajari	103
4.13.1	Min dan sisihan piawai minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan bidang yang dipelajari	104
4.13.2	Ujian <i>post-hoc Scheffe</i> minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan bidang yang dipelajari	104
4.14	Ujian-t minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan pekerjaan bapa	107
4.15	Ujian-t minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan pekerjaan ibu	108
4.16	Ujian ANOVA minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan pendidikan bapa	109
4.25.1	Min dan sisihan piawai minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan pendidikan bapa	109
4.17	Ujian ANOVA minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan pendidikan ibu	110
4.17.1	Min dan sisihan piawai minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan pendidikan ibu	111
4.17.2	Ujian <i>post-hoc LSD</i> minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan pendidikan ibu	111
4.18	Ujian ANOVA minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan pendapatan keluarga	112
4.18.1	Min dan sisihan piawai minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan pendapatan keluarga	113
4.19	Ujian ANOVA minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan personaliti	114
4.19.1	Min dan sisihan piawai minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan personaliti	114
4.19.2	Ujian <i>post-hoc LSD</i> minat kerjaya teknikal/vokasional berdasarkan personaliti	115
4.20	Hubungan antara faktor-faktor minat teknikal/vokasional	118





4.21	Hubungan antara faktor-faktor minat kerjaya teknikal/vokasional	119
4.22	Hubungan antara minat teknikal/vokasional dengan minat kerjaya teknikal/vokasional	120
4.23	Item terbuka mengenai personaliti responden	122
4.24	Pilihan kerjaya teknikal/vokasional yang diminati	123
4.25	Item terbuka mengenai minat responden terhadap bidang teknikal/vokasional	124
	4.25.1 Item terbuka mengenai pernyataan terhadap bidang teknikal/vokasional yang diminati	125
4.26	Item terbuka mengenai kemahiran teknikal/vokasional yang dimiliki pelajar	126
4.27	Item terbuka mengenai faktor pendorong memilih bidang teknikal/vokasional	127
4.28	Item terbuka mengenai kaedah pengajaran yang disukai pelajar	128
4.29	Item terbuka mengenai kelebihan kerjaya teknikal/vokasional	129
	pustaka.upsi.edu.my	
	Perpustakaan Tuanku Bainun	
	Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
	PustakaTBainun	
	ptbupsi	
4.30	Item terbuka mengenai motivasi kerjaya teknikal/vokasional	130
4.31	Item terbuka mengenai perasaan pelajar di sekolah menengah teknik	131
4.32	Item terbuka mengenai perasaan untuk bersukan	132
	4.32.1 Item terbuka mengenai sukan yang disukai responden	133
4.33	Item terbuka mengenai hobi pelajar	134
4.34	Item terbuka mengenai alasan pelajar memilih kerjaya teknikal/vokasional di masa hadapan	135





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka konseptual kajian	20
2.1 Konsep skematik minat	36
2.2 Rajah heksagon Holland	52
3.1 Model interaktif analisis data kualitatif	73



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia bergelut dengan tugas membina ekonomi untuk mencapai pembangunan mapan dan meningkatkan kualiti hidup rakyatnya. Sebagai sebuah negara yang kini semakin pesat sejak tiga dekad yang lalu, Malaysia telah menjadi contoh dan sering dipetik oleh penganalisis ekonomi dan perancang pembangunan sebagai model sebuah negara membangun. Untuk menjadi negara maju, Malaysia memerlukan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, inovatif, berdaya saing, dinamik, dan mahir (Ramlee, 2013).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Dalam memperkatakan tentang penyediaan pekerja mahir dan separa mahir, Ramlee dan Abu (2000) berpendapat bahawa dalam merealisasikan Wawasan 2020 secara umumnya, pendidikan teknikal dan vokasional dapat membantu menyediakan pekerja mahir dan separa mahir. Matlamat mata pelajaran vokasional ini ialah untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan di peringkat yang lebih tinggi (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) membuat peluasan pendidikan teknikal dan vokasional sebagai mekanisme bagi kementerian untuk meningkatkan akses kepada pendidikan, terutama bagi murid yang cenderung ke arah pendidikan



berdasarkan kemahiran. Program Transformasi Pendidikan Vokasional yang dilancarkan kepada tahun 2012 diharapkan dapat mentransformasikan minda rakyat untuk menerima pendidikan vokasional sebagai satu daripada penyumbang utama kepada pembangunan negara.

Statistik Kementerian Pelajaran Malaysia (2011) menunjukkan bahawa 71 peratus pelajar cenderung kepada akademik, manakala 29 peratus cenderung kepada vokasional. Ini adalah berdasarkan Ujian Aptitud yang dibuat dalam kalangan calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun tersebut. Sementara itu, apabila dibandingkan dengan negara-negara lain, perbandingan pelajar sekolah yang mengambil sekolah-sekolah vokasional dan akademik menurut suatu kajian yang dijalankan oleh Sahlberg (2007) adalah seperti berikut: statistik bagi Austria menunjukkan 80 peratus pelajar cenderung kepada vokasional dan 20 peratus pelajar





cenderung kepada akademik. Di negara Belgium, 71 peratus cenderung mengambil vokasional dan 29 peratus cenderung untuk mengambil bidang akademik. Untuk United Kingdom pula 68 peratus pelajar cenderung kepada vokasional dan 32 peratus cenderung kepada akademik. Statistik di negara Jerman menunjukkan 63 peratus pelajar kepada vokasional dan 38 peratus pelajar cenderung kepada akademik. Perbandingan ini menunjukkan penyertaan pelajar dalam bidang vokasional masih di tahap rendah di Malaysia. Sedangkan di negara-negara lain seperti Austria, Belgium, dan United Kingdom, jumlah pelajar yang mengikuti aliran vokasional adalah lebih tinggi. Oleh itu, untuk menarik lebih ramai pelajar menyertai aliran vokasional terutama di peringkat menengah dan pasca menengah. Kolej vokasional telah ditubuhkan supaya negara mampu mengeluarkan pelajar lulusan vokasional dalam bidang kemahiran yang berpotensi tinggi.



Menurut Mohd Fadzil (2011), matlamat transformasi pendidikan vokasional adalah supaya aliran ini tidak lagi di anggap sebagai pendidikan kelas dua. Ketika ini ramai beranggapan bahawa pendidikan vokasional adalah untuk pelajar yang tidak berminat dalam aliran akademik. Pelajar aliran ini juga dikira kurang berpeluang untuk ke menara gading jika dibandingkan dengan sebahagian rakan-rakan mereka daripada aliran akademik yang akan memasuki program matrikulasi atau peringkat enam selepas menamatkan peperiksaan SPM. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2015), Program Transformasi Pendidikan Vokasional ini meliputi pengenalan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) serta menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV). Selain itu, program transformasi tersebut merangkumi semakan menyeluruh kurikulum sedia ada, mengguna pakai beberapa kaedah penilaian dan pentaksiran baharu, meningkatkan kemahiran guru serta mengukuhkan lagi





jaringan kerjasama dengan industri. Diharapkan program transformasi ini melonjakkan kedudukan aliran vokasional dalam sistem pendidikan negara.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2011) dalam sebuah buletinnya mengatakan bahawa transformasi vokasional adalah untuk membentuk kebolehkerjaan pelajar dengan memiliki berbagai kemahiran yang dimiliki oleh pelajar untuk persediaan mereka menuju kerjaya di masa depan. Salah satu daripada komponen transformasi pendidikan vokasional adalah pengalaman industri. Dengan memiliki pengalaman industri seorang pelajar diharapkan agar lebih mudah untuk mendapatkan pekerjaan. Namun begitu tidak semua pelajar yang dilatih akan mendapatkan pekerjaan dalam bidang latihan mereka. Ada yang beralih kepada bidang yang lain kerana minat mereka telah berubah. Ini juga dapat mengubah minat kerjaya pelajar.



Menurut Gysbers (2009), pengertian kerjaya tidak terbatas kepada tingkah laku individu di persekitaran kerja akan tetapi pilihan kerjaya seseorang berkaitan pelbagai aspek dalam kehidupan individu seperti pengaruh keluarga, guru, kawan, serta kejadian-kejadian dalam kehidupan baik sengaja ataupun tidak sengaja. Individu melihat pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan ibu bapa, daripada program televisyen dan orang disekitar mereka, akhirnya mereka sedar mengenai peluang pekerjaan dan pilihan-pilihan kerjaya yang ada di sekitar mereka. Pengetahuan mengenai kerjaya ini menjadi lebih ketara apabila pelajar memasuki ke sekolah menengah. Setelah berada kepada peringkat sekolah menengah, seorang pelajar mula memikirkan secara serius kerjaya yang diinginkannya yang akan menjadi langkah awal daripada proses pencapaian kerjaya dan kepuasan kerjaya. Menurut Sharf (2006), kepuasan dalam





kerjaya, merupakan salah satu aspek yang penting dalam kehidupan seorang individu.

Pemilihan kerjaya adalah satu proses yang terjadi selama masa kehidupan.

Menurut Brown (2002), remaja sudah menyedari pentingnya memilih kerjaya di masa hadapan. Pada usia-usia 11 sehingga 18 tahun menurut Ginzberg (1984), remaja mula menyedari pentingnya penentuan pembangunan kerjaya kepada diri mereka. Mereka mengetahui bahawa mereka dapat menentukan masa depan mereka. Pada tempoh ini, Patton dan McMahon (2014) mengatakan individu mula melakukan eksplorasi mengenai kerjaya-kerjaya yang dapat dijalani lalu memfokuskan diri kepada kerjaya tertentu dan akhirnya mereka melakukan pemilihan terhadap kerjaya yang mereka inginkan. Faktor keluarga, guru serta rakan dapat mempengaruhi individu dalam memilih kerjaya. Holland (1985) pula menyatakan bahawa terdapat hubungan di



antara personaliti dan pemilihan kerjaya, kerana pemilihan kerjaya melambangkan personaliti seseorang. Holland (1985) membahagikan personaliti kepada enam jenis personaliti iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising, dan Konvensional. Seterusnya Holland (1997) menyatakan bahawa dalam memilih kerjaya, manusia biasanya akan memilih persekitaran (kerjaya) yang membolehkan mereka menggunakan kemahiran, boleh menyatakan sikap mereka, nilai diri serta peranan yang sesuai. Hal ini menekankan bahawa keunikan setiap individu itu perlu diambil kira dalam memilih kerjayanya.

Karavdic dan Baumann (2014) mengatakan pelajar sudah memikirkan bahawa kerjaya di masa hadapan menentukan kepuasan dan kehidupan yang baik bagi diri mereka nanti. Menurut Flores, Ojeda, Huang, Gee, dan Lee (2006), kaum remaja melihat kerjayanya di masa akan datang sebagai anak tangga untuk mencapai





kehidupan yang lebih baik untuk dirinya dan keluarga. Namun ramai golongan remaja masih menghadapi masalah dalam menentukan kerjaya yang mereka inginkan. Malah adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa masalah pemilihan kerjaya masa kini adalah menjadi masalah yang peribadi yang agak kritikal.

Menurut Nazlihulwany (2001), fenomena ini menunjukkan perlunya ada persediaan untuk menentukan kerjaya seseorang sebelum menempuh alam pekerjaan yang sebenarnya. Super (1972) menegaskan bahawa pemilihan kerjaya adalah penting kerana kerjayalah yang akan menentukan kegiatan utama dan cara hidup seseorang. Oleh yang demikian, Aris (2014) menyatakan antara faktor penting atau persediaan yang perlu ada sebelum membuat pemilihan kerjaya ialah minat. Menurut Scott, Matejcek, Diet, Wright, Brenneis, dan Fraser (2008), sebab-sebab utama mengapa seseorang individu itu mencebur diri dalam pekerjaan ialah mempunyai darjah minat yang tinggi terhadap aktiviti-aktiviti pekerjaan dan mempunyai keupayaan personal untuk mendapat kepuasan daripada pekerjaan yang diceburi.

Banyak lagi faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Menurut ahli-ahli teori perkembangan kerjaya seperti Anne Roe (1956), Krumboltz (1996), Holland (1973, 1985, & 1997) serta Patton dan McMahon (2014), menyatakan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya iaitu: (a) bakat dan kebolehan dalam bidang-bidang tertentu, (b) minat, serta (c) personaliti yang meliputi konsep diri, nilai dan kehendak. Crow (1987) juga menekankan tiga perkara sebelum seseorang itu mencebur sesuatu bidang pekerjaan iaitu: (a) keupayaan, minat dan sifat peribadi, (b) bidang pekerjaan dan syarat-syaratnya, serta (c) kebolehan yang dikehendaki dalam pekerjaan. Hall (2004) pula menekankan tentang faktor-faktor persekitaran yang





mempengaruhi proses pemilihan kerjaya. Menurut Crites (1969), antara faktor-faktor tersebut adalah persekitaran termasuk keluarga, sekolah dan media massa, serta komuniti termasuk rakan sebaya dan kumpulan etnik.

Menurut Ahmad dan Abdul Halim (2003), pemilihan kerjaya merupakan satu aspek penting dalam kehidupan individu, kerana kerjaya yang dipilih sedikit banyak akan menentukan corak peranan yang akan diamalkan oleh seseorang individu itu dalam masyarakat nanti. Caplow (1964) pula menyatakan pemilihan kerjaya merupakan suatu penentu yang penting bagi taraf dan kedudukannya dalam masyarakat dan taraf ini mempunyai kesan ke atas nilai hidup, sikap, gaya dan personalitinya. Walaupun terdapat beribu-ribu jenis pekerjaan yang boleh dipilih, tetapi proses pemilihannya adalah amat sukar sekali. Sidek Mohd Noah (2002) merumuskan terdapat



kalangan pelajar:

- i. Kesukaran membuat keputusan disebabkan seseorang itu mempunyai minat dalam pelbagai bidang, minat tidak jelas atau tidak mempunyai minat langsung terhadap apa-apa bidang kerjaya;
- ii. Ketiadaan kesempurnaan semasa membuat pilihan, iaitu pelajar tidak dapat mengagak minat, kebolehan dan personalitinya dan kerana itu pilihan kerjaya yang dibuat tidak sepadan dengan sifat-sifat peribadinya;
- iii. Kekurangan pengetahuan dan maklumat tentang pekerjaan atau kerjaya yang akhirnya menimbulkan masalah identiti.

Namun demikian, menurut Masriani (2001), faktor pencapaian akademik mempunyai pengaruh dan kesan yang amat signifikan dalam menentukan kerjaya





seseorang pelajar. Menurut Stevens dan Schaller (2009), pencapaian dalam pendidikan mempunyai kesan terhadap status pekerjaan yang juga dipengaruhi secara langsung oleh status pekerjaan bapa. Masriani (2001) pula menyatakan bahawa pengaruh keluarga ke atas pemilihan kerjaya boleh berbentuk positif, iaitu dengan memberi nasihat atau berbentuk negatif, iaitu dengan menyuruh anak-anaknya supaya mengelakkan diri daripada pekerjaan-pekerjaan yang berpendapatan rendah dengan peluang-peluang yang terhad.

Perubahan struktur ekonomi Malaysia juga telah berkembang pesat daripada sebuah negara berorientasikan pertanian kepada sektor perindustrian dan kini menuju ke era teknologi maklumat. Kepesatan ekonomi negara mewujudkan peluang-peluang kerjaya yang banyak. Menurut Norasmah, Nor Hafiza, Poo, dan Rahmah (2012),

kerjaya adalah satu siri pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang individu. Ada yang bekerja tetap tanpa sebarang pertukaran dan ada pula yang bertukar-tukar pekerjaan hingga bersara. Faridah Mariani Johari (1996) mengatakan ini disebabkan oleh persaingan yang hebat di dalam bidang perniagaan dan pekerjaan yang menjadikan pemilihan kerjaya menjadi semakin rumit. Dalam keadaan ekonomi yang kurang memberangsang, sebilangan pekerja mungkin dibuang dan peluang pekerjaan menjadi semakin mencabar. Sadeghi et al. (2012) mengatakan remaja semakin runsing apakah sebenarnya masa hadapan mereka. Terutamanya bagi remaja yang tidak tahu tentang minat, kebolehan, kemahiran dan personaliti mereka. Hasilnya kerjaya yang dipilih mungkin tidak bersesuaian dengan minat yang ada kepada mereka.

Minat dalam proses belajar dapat diertikan sebagai keinginan seseorang untuk mendapatkan maklumat yang baharu, mencari kejadian-kejadian yang baharu, mencari





idea baharu yang dapat memperluaskan pengetahuan yang telah dimiliki olehnya (Ainley, Hidi & Berndorff, 2002). Minat dalam pilihan kerjaya boleh didefinisikan sebagai perasaan suka dan tidak suka terhadap aktiviti dan bidang pekerjaan (Lent, Brown & Hackett, 1994). Hofsess dan Tracey (2005) mendefinisikan minat sebagai aktiviti dan pekerjaan yang menarik bagi diri seseorang. Sementara Holland (Sharf, 2006) membahagikan bentuk minat kerjaya kepada pelajar setelah lulus di sekolah menengah teknikal/vokasional meliputi minat dalam bekerja (di syarikat/institusi), minat menjadi usahawan dan minat untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Secara umumnya, untuk menentukan pilihan kerjaya, pelajar biasanya mendapatkan khidmat nasihat daripada kaunselor di sekolah. Dalam proses kaunseling bimbingan kerjaya yang umumnya dilakukan meliputi penilaian terhadap minat, kemampuan pelajar dan nilai yang mereka miliki. Pengukuran minat dapat dilakukan dengan pelbagai kaedah iaitu kaedah bertanya, memerhati aktiviti yang dilakukan atau dengan menggunakan instrumen ujian yang mempunyai ciri-ciri psikometrik yang baik (Taljaard & Prinsloo, 1995 dalam Momberg, 2005).

Menurut Zairoslawanee (2014), minat terhadap sesuatu kerjaya merupakan satu aspek yang penting dalam pendidikan dan pekerjaan di Malaysia. Ini bersesuaian dengan pendapat Swanson dan Fouad (2014) yang menyatakan bahawa proses pemikiran terhadap sesuatu kerjaya adalah hasil persetujuan dan kesesuaian antara minat dan kebolehan dalam bidang kerjaya. William (dalam Osipow & Fitzgerald, 1996) seorang ahli psikologi dalam kajiannya tentang permasalahan pemilihan kerjaya telah membahagikan permasalahan kerjaya kepada empat faktor besar, iaitu tidak mempunyai pilihan, pilihan yang tidak pasti, pilihan yang tidak tepat dan percanggahan





antara minat dengan keupayaan. Justeru itu, Zunker (1986) menyarankan supaya setiap individu mempunyai rancangan kerjaya.

Kunnen (2012) pula menyatakan pemilihan kerjaya merupakan satu aspek yang penting dalam perkembangan remaja kerana kerjaya yang akan menentukan masa depan mereka dan identiti remaja. Di samping itu, individu akan mempelajari peluang-peluang yang ada serta menentukan corak kerjaya yang akan diceburi dan mencorakkan kehidupannya dalam masyarakat. Sehubungan dengan kenyataan tersebut, ketiadaan minat dalam sesuatu kerjaya dan bidang akan menyebabkan berlakunya pertukaran pekerjaan. Pembaziran masa dan tenaga serta *brain drain* dalam sektor pekerjaan. Menurut Masriani (2001), pemilihan terhadap pelbagai kerjaya yang sesuai dengan minat, kebolehan dan nilai pelajar-pelajar perlu ditekankan dan diberi penjelasan serta



minat dan kebolehan diri mereka. Maka membuat keputusan untuk menceburi sesuatu kerjaya itu amat besar maknanya dan penting bagi seorang pelajar kerana jika kerjaya yang dipilih itu tidak sesuai dengan minat dan kebolehan mereka, kemungkinannya apabila sudah bekerja kelak mereka akan bertukar-tukar kerja dan terngari-cari kerjaya yang sesuai. Mereka akan berterusan mencari kerja sehingga mendapat kerjaya yang benar-benar sesuai dengan minat dan kebolehannya. Jika ini berlaku ia akan merugikan masa dan diri pelajar tersebut.

Menurut Azizi dan Fariza (2006), masalah pemilihan kerjaya pelajar di masa

kini berhubungkait tentang pelajar yang kehilangan hak untuk memilih subjek yang diminati kerana pihak sekolah telah menetapkan subjek kepada pelajar untuk memudahkan urusan pihak sekolah. Pelajar berkemungkinan menghadapi kegagalan





sekiranya pelajar memilih bidang yang tidak diminati. Seseorang individu itu hendaklah mengetahui apa yang mereka mahu dalam hidup dan kemudian bekerja keras untuk mencapainya kerana peluang biasanya tidak kerap datang. Orang yang berjaya adalah orang yang tahu apa yang ia kehendaki (Meijers, Kuijpers & Gundy, 2013).

Lore (2012) menyatakan bahawa masyarakat terutama ibu bapa perlu peka dengan kehendak dan kebolehan yang ada kepada diri anak-anak mereka. Ibu bapa juga sering memaksa anak-anak memilih pekerjaan yang ibu bapa idamkan dan bukannya kerja yang diminati oleh anak-anak itu sendiri. Hakikat ini akan memberi kesan kepada perkembangan anak-anak tersebut. Mereka mungkin akan gagal dalam bidang yang mereka ceburi. Situasi sebegini akan menimbulkan gejala negatif seperti hilang minat kerja, ponteng, amalan rasuah serta pelbagai persoalan disiplin pekerja. Kesan



Menurut Ahmad Baharuddin (2007), jika tersalah pilih atau tersalah mengatur strategi dalam memilih pekerjaan boleh menimbulkan rasa bosan dalam bekerja, menyesal, menanggung kerugian atau lain-lain risiko yang tidak menyenangkan dalam hidup.

Justeru itu, menurut Witko, Bernes, Magnusson dan Bardick (2005), masa persekolahan terutama sekali kepada peringkat sekolah menengah merupakan masa yang penting bagi membantu kesedaran, membuat perancangan serta membuat keputusan berhubung dengan kerjaya. Pada tempoh tersebut adalah penting bagi mereka untuk memilih kerjaya yang akan diceburi kerana mereka sendiri yang akan menentukan bidang pekerjaan kerjaya yang akan dilakukan bila tamat persekolahan. Terdapat banyak kajian (Hashim, 2000; Manrihu, 1992; Azizi dan Fariza, 2006; Winkel





& Hastuti, 2005) yang telah dijalankan terhadap pelajar aliran akademik terhadap minat mereka serta kerjaya yang mereka pilih. Namun penyelidikan mengenai pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar daripada aliran teknikal dan vokasional masih kurang. Oleh itu, sejauh manakah minat pelajar aliran teknikal dan vokasional terhadap bidang kerjaya teknikal bakal yang diceburi? Persoalan tersebut merupakan antara pertimbangan asal pengkaji menjalankan kajian ini.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauh mana minat pelajar Sekolah Menengah Teknik terhadap kerjaya bidang teknikal. Selain itu, penyelidik turut meninjau faktor-



Rohany (2003) menyatakan bahawa pelajar sekolah menengah secara umum sering menghadapi masalah dalam pemilihan kerjaya. Ini juga termasuk di antaranya pelajar sekolah menengah teknik dijumpai mengalami masalah dalam pilihan kerjaya. Masalah-masalah yang sering dihadapi ialah seperti tidak dapat membuat keputusan, kurang maklumat tentang diri dan kerjaya, tiada kepastian tentang kerjaya yang dipilih, kurang minat untuk merancang, dan tidak mampu menyelesaikan masalah. Masalah-masalah ini berkait rapat dengan kurangnya kematangan kerjaya. Masalah kurang kematangan dalam memilih kerjaya akan memberi kesan kepada pelajar-pelajar terutama apabila mereka berada di institusi pengajian tinggi.

Azizi, Mohd. Najib, Noraizah dan Shahrifudin (2005) pula mendapati hampir setiap pelajar sekolah menengah teknikal/vokasional akan mencari pekerjaan setelah

